

D465

U B484 AAB  
MAHATHIR - AYAM

SITIAWAN, 27 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA MENGAMBIL MASA HANYA LIMA TAHUN UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI AYAMNYA SEHINGGA IA BERJAYA MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENGEKSPORT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA LIMA TAHUN DAHULU NEGARA INI HANYA MENGELUARKAN AYAM UNTUK KEPERLUAN TEMPATAN TETAPI KINI, IA TELAH MENJADI SEBUAH INDUSTRI YANG BESAR DENGAN KEMAMPUAN MENGEKSPORT.

DALAM MASA YANG PENDEK, INDUSTRI AYAM TELAH DIMODENKAN HINGGA MENCAPAI KEJAYAAN MENGHASILKAN KELUARAN YANG BERKUALITI TINGGI DAN SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

+KITA TIDAK DAPAT MENGEKSPORT AYAM KE JEPUN JIKA KITA TIDAK MENCAPAI KUALITI YANG TINGGI,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KILANG PEMROSESAN AYAM DINDINGS SDN BHD BERHARGA \$20 JUTA DAN MELANCARKAN RANGKAIAN KEDAI AYAM DINDINGS.

PERDANA MENTERI BERKATA INDUSTRI AYAM MENCAPAI KEJAYAAN KERANA KESELURUHAN ASPEK INDUSTRI TERSEBUT DITINGKATKAN KUALITINYA BERMULA DENGAN PENTERNAKAN, PEMROSESAN HINGGA KEPADA PEMASARANNYA. -- LAGI  
1542MST 2 7 08 9 0

D466

U B485 AAB  
MAHATHIR - AYAM 2 SITIAWAN

PEMASARAN AYAM KINI DIJALANKAN DENGAN TERATUR DAN MODEN, IANYA DIPROSES DENGAN BAIK DAN DIBUNGKUS BEGITU MENARIK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN ZAMAN MODEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN INDUSTRI TERNAKAN AKAN DAPAT DIPERKEMBANGKAN LAGI HINGGA MEMBABITKAN TERNAKAN-TERNAKAN LAIN SEPERTI ITIK DAN AYAM BELANDA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKEMBANGAN INDUSTRI TERNAKAN AKAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PELABURAN, MENAMBAHKAN PENDAPATAN NEGARA DAN MEMBERI LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN.

SEBELUM ITU, TIMBALAN Pengerusi SYARIKAT TERSEBUT, ENCIK TEH NEE CHYE BERKATA KILANG PEMROSESAN AYAM DINDINGS SDN BHD ITU IALAH USAHASAMA ANTARA PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN PERAK, MALAYAN FLOUR MILLS DAN TIGA SYARIKAT JEPUN IAITU MITSUI CO LTD, ZENCHIKU CO. LTD DAN DAICHI BROILER INCORPORATED. -- LAGI  
1543MST 2 7 08 9 0

KILANG ITU MEMULAKAN OPERASI TAHUN INI DAN KINI MENGELUARKAN AYAM YANG SIAP DIPROSES UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN JEPUN, KATANYA.

KILANG INI ADALAH YANG TERBESAR DAN TERMODEN DI MALAYSIA DAN BERKEMAMPUAN MEMPROSES 6,000 EKOR AYAM DALAM MASA SEJAM.

SELAIN MEMPROSES AYAM, KILANG ITU JUGA MENGELUARKAN MAKANAN TERNAKAN YANG DIPROSES DARIPADA SISA-SISA AYAM.

KUMPULAN ITU JUGA MERANCANG MEMBUKA RANGKAIAN KEDAI AYAM DINDINGS YANG MENJUAL DAGING AYAM DAN BERJENIS MAKANAN YANG DIBUAT DARIPADA DAGING AYAM SEPERTI BEBOLA DAGING DI SELURUH NEGARA.

KILANG BERHARGA \$20 JUTA ITU BOLEH MENAMPUNG TENAGA PEKERJA SERAMAI 1,000 ORANG APABILA BEROPERASI SEPENUHNYA TIDAK LAMA LAGI, KATA ENCIK TEH.

-- BERNAMA

1545MST 27 08 90